Perkembangan pendidikan STEM Biologi memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik dan pengembangan pelbagai kemahiran dalam kalangan murid. Namun begitu, murid merasakan sukar untuk belajar Biologi kerana wujud persepsi negatif serta kurang kesediaan mental dan keyakinan diri. Maka, kajian ini bertujuan membangun dan menilai keberkesanan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk instruksi Model ASSURE sebagai model pembangunan modul. Reka bentuk eksperimen kuasi dua kumpulan berbentuk praujian, pascaujian dan pascaujian lanjutan digunakan melibatkan 92 sampel murid tingkatan empat (46 orang murid kumpulan rawatan dan 46 orang murid kumpulan kawalan). Data-data kuantitatif dikumpulkan melalui instrumen ujian bertulis iaitu Ujian Pencapaian bagi tema Asas Biologi, Soal Selidik Orientasi Pelbagai Kecerdasan dan Soal Selidik Sikap Murid. Hipotesis-hipotesis kajian diuji secara statistik deskriptif dan statistik inferensi ujian-t sampel bebas, ujian ANOVA dengan pengukuran berulang, ujian MANOVA satu hala, ujian MANOVA dengan pengukuran berulang, ujian ANCOVA dan ujian ANCOVA dengan pengukuran berulang dengan menggunakan IBM SPSS Versi 25. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT memberi kesan yang signifikan ($p < .05$) bagi meningkatkan pencapaian bagi tema Asas Biologi, meningkatkan dan mengekalkan sikap murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun,

penggunaan Modul Psycho-B`GREAT memberikan kesan perubahan yang tidak signifikan ($p > .05$) bagi orientasi pelbagai kecerdasan, pengekal orientasi pelbagai kecerdasan dan pengekal pencapaian antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan Modul Psycho-B`GREAT seharusnya boleh dilanjutkan kepada topik lain dalam mata pelajaran Biologi dan mata pelajaran lain bagi membantu murid daripada aspek pencapaian, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid. Seterusnya, meningkatkan kemahiran abad ke-21 dan penguasaan konsep STEM Biologi.

**THE EFFECTS OF THE PSYCHO-B`GREAT MODULE ON THE
ACHIEVEMENT AND ATTITUDE OF THE BASIC THEMES OF BIOLOGY
AND MULTIPLE INTELLIGENCE ORIENTATION OF FORM FOUR
STUDENTS**

ABSTRACT

The development of STEM Biology education has a positive effect on academic achievement and the development of various skills among students. However, students find it difficult to learn Biology due to negative perceptions and a lack of mental preparation and self-confidence. Therefore, this study aims to develop and evaluate the effects of the Psycho-B`GREAT Module on student achievement and attitude towards the Basic Biology theme and multiple intelligence orientation among Form 4 students. The instructional design of the ASSURE Model was applied in this study as a module development model. A quasi-experimental design with two groups, pretest-posttest, and posttest-only designs, was employed involving 92 Form Four students (46 students in the treatment group and 46 students in the control group). Quantitative data were collected through written test instruments, namely the Achievement Test for Basic Biology Themes, the Multiple Intelligence Orientation Questionnaire and the Student Attitude Questionnaire. The research hypotheses were tested using descriptive statistics, independent samples t-test, repeated measures ANOVA, one-way MANOVA, repeated measures MANOVA, ANCOVA, and repeated measures ANCOVA using IBM SPSS Version 25. The findings of this study indicated that the use of the Psycho-B`GREAT Module has a significant effect ($p < .05$) in improving achievement in the Basic Biology themes besides enhancing and sustaining student attitudes between the treatment and the control groups. Nonetheless,

the use of the Psycho-B`GREAT Module demonstrated a non-significant effect ($p > .05$) on multiple intelligence orientation, as well as maintenance of multiple intelligence orientation and achievement between the treatment and control groups. The implications of the study findings suggest that the use of the Psycho-B`GREAT Module should be extended to other topics in Biology and other subjects to assist students in terms of achievement, multiple intelligence orientation and student attitude. Furthermore, the findings can be used to enhance 21st-century skills and mastery of Biology STEM concepts.

BAB 1

PENGENALAN

" Jenis pemikiran baharu adalah penting jika manusia ingin terus hidup dan bergerak ke tahap yang lebih tinggi."
(Einstein, 1946)

1.1 Pendahuluan

Albert Einstein merupakan ahli fizik yang terkenal dengan menyumbang pelbagai kemajuan dalam bidang sains. Pemikiran yang betul dapat mencerminkan kemajuan sesebuah negara pada masa depan. Oleh itu, pelbagai perubahan pesat yang berlaku dalam sistem pendidikan global pada masa ini. Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) merupakan salah satu agenda global. Matlamat Pendidikan Berkualiti (SDG 4), khususnya pendidikan kelestarian perlu diberi perhatian. Oleh itu, Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) adalah penting sebagai persediaan untuk murid menghadapi cabaran teknologi baharu yang lebih kompleks.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) menekankan pendidikan STEM. Pembangunan komponen ini menjadi keutamaan bagi pihak KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan terutamanya dalam mata pelajaran STEM dengan membuat kajian semula terhadap kurikulum, peperiksaan dan penaksiran sebagai reformasi kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mulai tahun 2016 (KSSR) dan 2017 (KSSM) (KPM, 2013).

Menjelang Gelombang 3 PPPM (2021-2025) KPM memfokuskan kepada peningkatan autonomi guru dalam aspek pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta menjangkakan kaedah ini akan dibudayakan di semua sekolah. Dalam hal ini, guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai pengetahuan dan sumber rujukan, malah juga berfungsi sebagai fasilitator. Pendekatan yang disampaikan oleh guru mempengaruhi pencapaian murid. Pengajaran guru yang kukuh dapat membantu proses PdPc murid dengan berkesan (Manining, 2021; Tajularipin et al., 2011). Inisiatif guru mengambil kira faktor kecerdasan yang pelbagai dalam kalangan murid merupakan satu tindakan yang positif. Pendekatan dan penyampaian yang berbeza perlu dipertimbangkan kerana setiap murid mempunyai tahap orientasi pelbagai kecerdasan yang berbeza-beza. Maka, murid berpeluang untuk merealisasikan potensi diri.

Sehubungan dengan itu, potensi murid dalam pendidikan Biologi amat penting untuk jaminan pada masa hadapan. Berdasarkan dapatan kajian Nur Fasiha Samsu Zaman @ Taufiq et al. (2020) untuk mengatasi cabaran pendidik untuk membentuk sikap murid agar dapat menghasilkan modal insan, bidang pendidikan memerlukan lebih banyak inovasi. Kualiti pendidikan mata pelajaran Biologi boleh dipertingkatkan dengan aplikasi teknologi. Hal ini disebabkan kaedah tersebut merupakan satu trend pada masa kini terutamanya dalam perkembangan pendidikan negara.

Dewasa ini, teknologi mempunyai pertalian yang erat dengan kehidupan seharian. Tekkam et al. (2021), telefon pintar menyediakan platform utama untuk menyalurkan pelbagai maklumat yang penting dalam talian. Menurut Gomez (2020) dan Vaterlaus et al. (2021), murid menggunakan telefon pintar sebagai platform pembelajaran. Tambahan pula, kaedah pengajaran yang menggunakan telefon pintar dan permainan lebih mendapat perhatian dalam kalangan murid. Oleh itu,

pembelajaran berasaskan permainan (PBP) bertujuan untuk penerapan mekanika dan dinamik permainan yang digunakan bagi meningkatkan motivasi dan penglibatan murid (Gris & Bengtson, 2021).

Pendekatan PBP dalam mata pelajaran Sains perlu diperluaskan dari segi pelaksanaannya (Kalogiannakis et al., 2021; N. Faizah Ahmad & Zanaton Iksan, 2021) seiring dengan keperluan semasa. PBP adalah satu pendekatan kepada murid untuk mengenali konsep psikologi agar lebih menarik dan menghiburkan (Maupin, 2021). PBP adalah cara untuk menyelesaikan masalah dengan bermain dan berfikir (Hooshyar et al., 2021; Laili Farhana Md Ibrahim et al., 2021). Justeru, kajian ini berfokus kepada pembinaan dan pengujian keberkesanan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat.

Sebagai bab pengenalan kepada tesis ini, bab ini membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian turut dikemukakan. Pengkaji juga membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian dan seterusnya definisi operasi bagi variabel kajian.

1.2 Latar Belakang

Dewasa ini, agenda memperkukuhkan STEM adalah salah satu elemen penting dalam matlamat pembangunan lestari keempat (SDG 4). Sehubungan dengan itu, pengetahuan murid mampu menyumbang kepada kelestarian persekitaran semula jadi dan meningkatkan kualiti kehidupan. Menurut kajian Chong (2019), keberkesanan kaedah PdPc di Malaysia perlu ditentukan secara berkala. Namun begitu, terdapat kekurangan maklumat mengenai penyatuan konsep pembangunan lestari ke dalam

kurikulum. Hal ini akan menjadi kekangan bagi perkembangan potensi penuh murid apabila menghadapi masalah di dunia nyata (Kanapathy et al., 2019).

Togou et al. (2020) mengatakan bahawa pada mulanya beberapa murid bekerja keras untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan sambil membentuk sikap positif terhadap STEM. Di samping itu, keupayaan murid memproses maklumat adalah berbeza melalui kemahiran psikologi dalam pendidikan (Cervone et al., 2020; Felder & Spurlin, 2005, Felder & Henriques, 1995). Tambahan pula, Zheng et al., (2020) juga menunjukkan bahawa murid cenderung untuk berjaya dengan menggunakan kaedah pembelajaran masing-masing kerana gaya pembelajaran tersebut bergantung kepada tahap penerimaan dan kecerdasan yang berbeza-beza (Gardner, 1993). Perkara ini penting untuk diambil kira agar dapat menghasilkan modal insan berkualiti pada masa hadapan.

Pendekatan konstruktivisme, penemuan inkuiri, kontekstual, simulasi dan penggunaan teknologi merupakan antara pendekatan yang boleh digunakan sebagai strategi dalam PdPc yang berpusatkan murid. Gabungan sains dan teknologi menjadi tunjang dalam Falsafah Pendidikan Sains Kebangsaan (FPSK) dapat merealisasikan hasrat negara untuk menjadi negara maju. Mata pelajaran Sains pada peringkat kebangsaan merangkumi mata pelajaran Sains Teras dan mata pelajaran Sains Elektif. Sekolah rendah dan menengah menyediakan mata pelajaran Sains Teras dalam kalangan murid dan pelajar. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran Sains Tambahan, Kimia, Biologi dan Fizik adalah kategori mata pelajaran Sains Elektif menumpukan pada peningkatan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran belajar dalam STEM. Oleh itu, murid berpeluang untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, dapatan menunjukkan bilangan calon

yang mendaftar untuk mata pelajaran Biologi semakin menurun berbanding mata pelajaran lain dari tahun 2018 sehingga 2020 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2021).

KSSM Biologi bertujuan untuk memberi murid pengalaman belajar. Melalui konsep Biologi, murid berpeluang untuk memahami proses dalam memupuk kemahiran, strategi dan aplikasi Biologi. Tambahan pula, perkembangan saintifik dan teknologi pada masyarakat, murid juga berupaya berkomunikasi antara satu sama lain seiring pemupukan sikap dan nilai saintifik yang dikehendaki. Sehubungan itu, keputusan yang diambil oleh guru adalah berdasarkan bukti saintifik. Hal ini dikatakan demikian kerana, guru ingin melahirkan lebih ramai individu yang berpotensi cerah dan mempersiapkan diri terutamanya dari segi mental dan fizikal agar berjaya melanjutkan pelajaran dan mencapai cita-cita dalam pengkhususan bidang STEM (KPM, 2018). KSSM bagi mata pelajaran Biologi tingkatan empat dan lima diatur mengikut beberapa tema. Kandungan mata pelajaran Biologi merangkumi lima tema iaitu 1) Asas Biologi, 2) Fisiologi Manusia dan Haiwan, 3) Fisiologi Tumbuhan Berbunga, 4) Ekosistem dan Kelestarian Alam Sekitar, dan 5) Genetik dan Teknologi Genetik (KPM, 2018).

Tema Asas Biologi yang terkandung dalam mata pelajaran Biologi tingkatan empat adalah bertujuan untuk memberi kefahaman tentang Biologi. Tema Asas Biologi melibatkan pemahaman sesebuah kerjaya dan bidang Biologi. Maka, fokus utama tema ini merangkumi beberapa topik iaitu Pengenalan kepada Biologi dan Peraturan Makmal, Biologi Sel dan Organisasi Sel, Pergerakan Bahan Merentasi Membran Plasma, Komposisi Kimia dalam Sel, Metabolisma dan Enzim, Pembahagian Sel dan Respirasi Sel. Namun demikian, Kalogiannis et al. (2014) mendapati bahawa molekul biologi dan biokimia melibatkan kefahaman konsep yang

meliputi Topik 4: Komposisi Kimia dalam Sel dan Topik 5: Metabolisme dan Enzim yang merupakan dua topik penting tetapi kurang diberi perhatian oleh murid.

Dalam hal ini, kaedah konstruktivis merupakan kaedah yang sering digunakan oleh guru. Guru berperanan sebagai fasilitator membantu murid menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu dan murid dapat mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), 2011; Fazian Mohamad, 2014; Kroasbergen & Van Luit, 2005). Menurut Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2012), Teori Konstruktivisme yang telah dipelopori oleh Piaget ini amat berkait rapat dengan pendidikan Biologi dan telah lama dipraktikkan dalam PdPc kerana teori tersebut sangat dominan dengan sistem pendidikan yang menekankan pendekatan berasaskan kognitif.

Sehubungan itu, Zurainu Mat Jasin dan Abdull Sukor Shaari (2012) dan Brey (2009) menyatakan terdapat pelbagai model yang berasaskan penggunaan konstruktivisme, antaranya ialah model berasaskan inkuiri 5E (inquiry-based model), model laluan (pathway model), model pembelajaran berasaskan masalah (problem-based learning), model konstruktivisme sosial (social constructivism model) dan model pengajaran berasaskan penemuan (discovery-based instruction). Pendekatan konstruktivisme ini sangat relevan dalam pendidikan Biologi kerana kebanyakan konsep Biologi adalah berbentuk abstrak, justeru persekitaran pembelajaran konstruktivisme dapat membantu murid mengatasi masalah tersebut (Krishnasamy et al., 2012).

Persekitaran konstruktivisme dibantu dengan aktiviti yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) seperti komputer, internet dan sebagainya agar menyediakan suatu persekitaran konstruktivisme yang lebih

menumpukan kepada strategi bagi menggalakkan perkembangan kemahiran potensi murid dari pelbagai aspek (Iofciu et al., 2012). Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, TMK berupaya meningkatkan proses PdPc, namun keberkesanan penggunaannya banyak bergantung kepada cara pengendalian guru bagi menggilap potensi murid (Drent & Meelissen, 2008). Mengikut kurikulum kebangsaan, kekerapan penggunaan TMK di sekolah diharapkan dapat meningkatkan kemahiran TMK, memperkaya pengalaman belajar dan memupuk kreativiti murid. (Claro et al., 2012). Justeru, proses PdPc di sekolah yang melibatkan konsep abstrak Biologi dapat dibantu dengan integrasi penggunaan teknologi seperti pembelajaran berasaskan web, animasi interaktif dan video serta simulasi komputer (Robiatul Adawiyah Jamaluddin & Halimah Badioze Zaman, 2011; BPK, 2011; Khairul Hasni Abdul Kadir, 2014).

Menurut Norazah Mohd. Nordin dan Ngau (2009), sebilangan besar permainan digital memerlukan tumpuan dan pemikiran kreatif semasa bermain. Pemain perlu menumpukan perhatian kepada usaha susulan yang melibatkan pemikiran dan penyelesaian masalah yang kompleks. Menurut Ad Norazli dan Jamil (2014), proses pemikiran yang kompleks dengan pemilihan keputusan yang tepat dalam kalangan murid adalah diperlukan untuk belajar pada abad ke 21. Hal ini, menyebabkan murid berupaya meningkatkan daya kemahiran berfikir dan cetusan idea yang diinginkan. Impak pengintegrasian TMK dalam pendidikan mampu mewujudkan suasana persekitaran yang memberangsangkan agar kecerdasan pelbagai murid dapat dikembangkan, seterusnya berupaya mengaplikasikan pengetahuan bagi menghasilkan penyelesaian masalah alternatif dalam kehidupan seharian.

Attard dan Holmes (2020) dan Siti Ajar Ikhsan dan Safiah Ahmad (2014) mendapati penyertaan murid secara aktif adalah penting untuk melalui kepelbagaian kaedah pengajaran guru. Guru mesti mempertimbangkan sepenuhnya kemampuan dan

potensi murid agar dapat menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pendekatan kecerdasan pelbagai adalah sesuai dilaksanakan di dalam bilik darjah (Altan, 2020 & Mohd Ali Samsudin et al., 2015). Dapatan Shearer (2018) menunjukkan kecerdasan pelbagai boleh dikaitkan dengan pengendalian emosi. Dalam hal ini, kandungan dan pelaksanaan kursus dalam sistem pendidikan harus menekankan pengembangan kecerdasan mental murid, termasuk dari aspek rohani, emosi dan fizikal.

Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, murid harus ditunjukkan kepentingan Teori Kecerdasan Pelbagai. Dapatan Beck, (2011), Curwen et al. (2000) dan Dryden (2011) menyatakan bahawa istilah "terapi" berkisar pada cara yang ideal untuk menangani masalah pelanggan. Maksud kata "kognitif" adalah sejenis proses atau pemikiran mental, yang merujuk kepada perkara yang berlama-lama dalam diri seorang individu, seperti cara berfikir, mimpi, kenangan, gambar dan sesuatu perhatian. Seterusnya, "tingkah laku" bermaksud keadaan seseorang ketika melakukan sesuatu, seperti perkara yang dipertuturkan, cara menyelesaikan masalah, cara menghindari sesuatu, dan sebagainya. Hal ini juga merupakan suatu proses "*inaction*", iaitu bercakap dalam ruang kotak pemikiran.

Sikap dan terapi kognitif tingkah laku atau dikenali sebagai *cognitive behavioral therapy* (CBT) dapat membantu seseorang melihat cabaran dalam sesebuah situasi agar lebih jelas dan bertindak balas dengan berkesan tanpa ada pemikiran yang tidak tepat atau negatif. (David et al., 2018) menyatakan bahawa CBT merupakan tren terkini dalam bidang psikoterapi. Banyak kajian mendapati penggunaan CBT dalam memulihkan penagihan dadah telah berjaya seperti laporan Kadden et al. (2000), Ratih dan Utami (2018), Stephens et al. (2000) dan Zamboni et al. (2021). Di samping itu, kajian turut menyatakan bahawa CBT boleh mengurangkan isu kesihatan seperti

kemurungan (Karyotaki et al., 2021; Liang et al., 2021), psikosis iaitu penyakit mental seperti gangguan mental (Avasthi et al., 2020; Hutton & Taylor, 2014; Stafford et al., 2013), penyalahgunaan dadah (Plant et al., 2021), masalah fobia (O'Shannessy et al., 2021; Radtke et al., 2021) dan masalah panik (Radtke et al., 2021).

Khaiyom et al. (2019) menemui rawatan untuk gangguan kebimbangan yang lebih berkesan iaitu kombinasi farmakoterapi (pharmacotherapy) dan psikoterapi yang memberikan impak positif. Gabungan ini amat baik untuk diterapkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Moreira de Sousa et. al (2018) telah menunjukkan bahawa murid yang mempunyai prestasi akademik yang lemah terdedah kepada kebimbangan dan kemurungan. Hal ini amat membantu dalam menangani dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (National Health and Morbidity Survey, NHMS) yang memfokuskan fenomena isu kesihatan mental rakyat daripada pelbagai latar belakang. Berdasarkan dapatan kajian NHMS (2018), sebanyak 19% murid merasakan kehidupan mereka adalah tidak bahagia. Malahan, 1 per 10 rakyat Malaysia mengalami kemurungan termasuk iaitu pelajar pendidikan tidak formal (21%), murid sekolah rendah (13%), murid sekolah menengah (8%) dan murid peringkat tertiar (4%). Sebanyak 11.2% individu di Malaysia dari peringkat muda hingga tua iaitu sampai umur 50 tahun didapati mengalami gejala kemurungan.

CBT dibangunkan berdasarkan teori kognitif kemurungan yang menimbulkan pemikiran negatif tentang diri, orang lain, dan masa hadapan seterusnya menyumbang kepada perkembangan kemurungan yang amat membimbangkan dari semasa ke semasa. CBT adalah rawatan langkah pertama bagi mengatasi gejala kemurungan agar pesakit dapat mempelajari kemahiran aktif untuk mengubah pemikiran depresi, serta tingkah laku yang meramalkan kemurungan, serta mengekalkan pemikiran ke arah positif (MacQueen et al., 2016). Menurut Bicer et al. (2020), berdasarkan dapatan

sistematik literatur terhadap kebimbangan mata pelajaran Matematik, intervensi CBT telah memberi pencerahan kepada murid untuk berjaya dalam mata pelajaran Matematik dan juga dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan STEM seperti mata pelajaran Sains. Dalam konteks ini, kebimbangan murid untuk mempelajari ilmu STEM harus diatasi dengan intervensi CBT.

CBT berkaitan dengan kepercayaan bahawa gangguan tingkah laku dan emosi seseorang adalah berpunca daripada pemikiran yang tidak rasional (Hoffman,1984). Murid tidak dilahirkan untuk mempunyai kebimbangan STEM yang bermaksud, ketakutan atau kebimbangan STEM adalah sesuatu yang dipelajari. Pelbagai faktor psikologi, kecerdasan murid dan sebagainya mempengaruhi penglibatan murid. Lazimnya, penglibatan mata pelajaran tertentu lebih berkaitan dengan persepsi daripada kemampuan. Murid mungkin berprasangka tentang kedudukan sesuatu mata pelajaran itu dan sebahagian topik dianggap sebagai sukar dan mencabar. Bucci et al. (2015) menyatakan teknologi boleh dijadikan platform penyampaian CBT.

Secara khususnya, fokus kajian ini adalah melibatkan pembinaan dan pengujian keberkesanan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahagian Perancangan oleh Penyelidikan Dasar Pendidikan (2017) melaporkan bahawa ramalan perkadaran yang dikembangkan oleh KPM di peringkat sekolah menengah atas namun, realitinya tahap enrolmen murid dalam bidang sains dan teknologi masih lagi tidak mencapai sasaran nisbah 60:40 (aliran sains dan teknologi; aliran sastera). Daripada peringkat sekolah menengah atas, dapatan data sehingga 2014, hanya 42.34% murid memilih aliran jurusan sains dan teknikal. Hal ini

menunjukkan penurunan kelayakan dan keyakinan murid untuk mengikuti bidang sains dan teknologi (BPK, 2016). Penaksiran *Program for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) telah dijadikan penanda aras bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dalam kalangan peserta mewakili negara di peringkat antarabangsa (OECD, 2015). OECD (2019) juga menjangkakan hasil prestasi berdasarkan TIMSS dan penilaian PISA masih kekal rendah dalam tempoh tiga tahun akan datang. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan daftar calon dalam mata pelajaran Fizik, Kimia dan Biologi dalam tiga tahun di peringkat kebangsaan dan negeri Pulau Pinang.

Jadual 1.1

Bilangan Daftar Calon Mata Pelajaran Fizik, Kimia dan Biologi

Negara/Negeri	Mata Pelajaran	2018	2019	2020
Kebangsaan	Fizik	87,157	83,511	79,406
	Kimia	88,848	84,996	80,618
	Biologi	68,850	66,046	62,642
Pulau Pinang	Fizik	5,929	5,720	5,420
	Kimia	5,964	5,782	5,457
	Biologi	4,970	4,824	4,502

(Sumber rujukan: Lembaga Peperiksaan, KPM, 2021)

Berdasarkan statistik tersebut, mata pelajaran Biologi merupakan mata pelajaran yang paling kurang digemari kerana calon yang mendaftar semakin lama semakin menurun dan mencatatkan bilangan calon yang paling rendah untuk mata pelajaran aliran Sains. Namun begitu, pembangunan segenap lapisan masyarakat dan negara memerlukan lebih ramai bilangan murid yang mengambil mata pelajaran Biologi ini untuk meneruskan kecenderungan kerjaya dalam bidang STEM. Oleh itu, murid yang mengikuti KSSM Biologi dapat memainkan peranan aktif, berilmu

pengetahuan dan berkemahiran mengenai biologi. Lantas, bukan sahaja murid mampu menghuraikan setiap cabaran dan membuat keputusan yang lebih rasional dalam menjalani aktiviti seharian dengan adanya elemen nilai ilmiah dan sikap saintifik, murid juga boleh melanjutkan pelajaran serta kerjaya dalam bidang biologi. Maka, pemupukan budaya STEM menerusi KSSM Biologi adalah penting agar murid menjadi lebih bersemangat, layak, adil, dan bertanggungjawab secara sosial dan persekitaran (KPM, 2018).

Purata skor pada TIMSS 2007 hingga TIMSS 2011, trend adalah menurun. Murid di Malaysia pada tahun 2011 hanya memperoleh skor purata Biologi sebanyak 427 dalam TIMSS (Martin et al., 2012). Namun demikian, menurut laporan Kebangsaan TIMSS 2019, pencapaian domain kandungan paling tinggi ialah Fizik (475), diikuti dengan Biologi (463), Sains Bumi (452) dan Kimia (434) (KPM, 2020). Menurut kajian Wan Nasriha Wan Mohamed Salleh et al. (2021), menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran dalam mempelajari Topik 4; Komposisi Kimia dalam Sel. Sehubungan dengan itu, kesukaran yang dihadapi oleh murid dalam mempelajari topik ini adalah kerana murid tidak tahu kepelbagaian istilah dan konsep. Maka, ilmu yang disampaikan berbentuk abstrak adalah sukar untuk diterima dan difahami murid (Radtke et al., 2021, Kreiser & Hairston, 2007; Slotta & Chi, 2006; Sadiyah Bharom, 2008) kerana kaedah yang digunakan oleh guru bagi menjana idea murid kurang mendapat perhatian.

Biologi biasanya dianggap sebagai salah satu disiplin yang membosankan, sangat kompleks dan sukar difahami kerana adanya konsep Biologi abstrak (Çimer, 2012; Kreiser & Hairston, 2007; Sadiyah Bharom, 2008). Biologi dianggap sukar kerana merupakan subjek yang penuh dengan fakta, konsep, penanda dan pelbagai proses yang perlu difahami. Biologi melibatkan kajian tentang kehidupan,

persekitaran, interaksi antara kehidupan dan persekitaran, serta fenomena yang berkaitan (Aziz Nordin & Ami Norliyana Shamsu Kamar, 2011; Mispuah Hassan & Kamisah Osman, 2016).

Terrell et al. (2020) pula menyatakan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk mempelajari subjek Biologi kerana memerlukan penyatuan Kimia, Biologi, Fizik, Matematik, serta pengetahuan dan kerangka fisiologi untuk memahami dan mendalaminya. Sehubungan dengan itu, terdapat cabaran untuk memupuk sikap positif dan penguasaan metabolisme murid (Chen & Ni, 2013; Kalogiannis et al., 2014). Banyak kajian melaporkan bagi topik berkenaan DNA, RNA dan protein, murid gagal menghubungkan pengetahuan molekul dengan fenomena pada tahap sel, organ dan sistem badan. Murid sering mengamalkan teknik hafalan semata-mata (Van Mil et al., 2016). Oleh hal yang demikian, pembelajaran dengan penggunaan komputer oleh murid yang menggunakan visualisasi molekul untuk mempelajari struktur dan fungsi protein menghasilkan kesan yang positif ke atas pembelajaran yang dilalui (Terrell & Listenberger, 2017).

Tambahan pula, bagi tema Asas Biologi merangkumi pembelajaran dalam topik Komposisi Kimia bersinambungan dengan topik Enzim. Menurut pengkaji Siti Shahida Mohd Azri dan Che Nidzam Che Ahmad (2014), keberkesanan PdPc bagi topik Enzim secara analogi menghasilkan kesan yang positif. Choudhury (2020) menekankan bahawa enzim mempunyai tindakan yang spesifik dan menghasilkan produk yang minimum. Malahan, enzim mempunyai risiko yang sangat rendah kepada manusia, hidupan liar dan alam semula jadi. Enzim adalah alternatif mampan kepada bahan kimia toksik yang digunakan dalam industri fesyen dan tekstil pembuatan. Enzim menjadi sangat penting, terutamanya dalam bidang teknologi lestari dan kimia hijau. Enzim menjalankan ribuan proses metabolik yang mengekalkan kehidupan.

Robinson (2015) menyatakan enzim ialah pemangkin biologi (juga dikenali sebagai biokatalis) yang mempercepat tindak balas biokimia dalam organisma hidup, dan boleh diekstrak daripada sel serta kemudian digunakan untuk memangkinkan pelbagai proses komersil yang penting. Menurut Cabrera dan Blamey (2018), enzim boleh digunakan sebagai biokatalisis dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, tekstil, detergen dan sebagainya. Walau terdapat banyak kepentingan bagi topik ini, namun wujud murid di Malaysia yang gagal mencapai standard antarabangsa dalam TIMSS dan PISA.

Menurut Ruthven (2011), TIMSS mendapati terdapat penurunan dari segi sikap murid terhadap Sains. Manakala menurut Bennett dan Hogarth (2009) serta Osborne et al. (2003), kebanyakan sikap terhadap mata pelajaran Sains mula menurun seawal umur 11 tahun ketika berada di sekolah rendah. Malah, terdapat penurunan mendadak di antara umur 11 hingga 14 tahun. Tambahan lagi, Aziz Nordin dan Ling (2011) menunjukkan murid mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran Sains. Penemuan ini juga selaras dengan penyelidikan Barmby et al. (2008) tentang hubungan antara umur dan sikap terhadap sains dan teknologi yang membimbangkan. Hal ini turut dipersoalkan oleh George (2006) dan Simpson dan Oliver (1990) iaitu terdapat penurunan prestasi murid dalam mata pelajaran Sains dari semasa ke semasa, terutamanya dalam pendidikan sekolah menengah. Pengkaji Indonesia, Amin dan Ikhsan (2020) telah mengenal pasti bahawa penggunaan makmal komputer dalam kalangan murid dan guru adalah berada pada tahap optimum rendah, sedangkan murid mempunyai gaya pembelajaran visual dan kinestetik yang terserlah. Selain itu, Mohd Erfy Ismail et al. (2018) dan Ahmad Nurulazam Md Zain et al. (2010) menyatakan sikap murid yang baik menyumbang kepada pencapaian yang lebih cemerlang dalam mata pelajaran Sains pada masa depan.

Di samping itu, melalui kecerdasan pelbagai, guru dapat membuat perubahan yang lebih berkesan terhadap kemahiran mengajar tanpa mengabaikan kekurangan intelektual yang lain dan dapat meningkatkan kecerdasan yang diperlukan serta menerapkan sikap positif dalam kalangan murid (Carroll, 2000). Hal ini terbukti dalam laporan OECD (2019) ketika membentangkan keputusan penaksiran antarabangsa PISA yang melaporkan bahawa Malaysia mempunyai 41% murid yang mempunyai pemikiran pertumbuhan. Pendidikan 4.0 benar-benar menggambarkan pilihan pembelajaran murid gen Z selari dengan perubahan yang dibawa oleh gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Sudah tiba masanya untuk guru mempertimbangkan untuk pengintegrasian teknologi yang lebih terkini dalam strategi pengajaran. Pengintegrasian teknologi yang lebih terkini akan menjadikan guru lebih kreatif dalam merancang PdPc untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik. Pembelajaran juga boleh menjadi lebih berkesan kerana cara penyampaiannya sesuai dengan pilihan murid gen Z. Sehubungan dengan itu, terdapat 14 strategi untuk pembelajaran emosi sosial seperti yang digariskan dalam *World Economic Report* (2016) yang menekankan pertumbuhan pemikiran. Oleh itu, guru harus menyambut gelombang Pendidikan 4.0 baharu ini kerana bukan sahaja murid akan mendapat manfaatnya, malah guru juga akan mempunyai lebih banyak fleksibiliti dalam merancang pelajaran secara kreatif.

Gardner (1983) merupakan pelopor teori kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid. Terdapat lapan kecerdasan yang terlibat iaitu kinestetik, verbal linguistik, intrapersonal, interpersonal, naturalis, logik matematik, muzik dan visual ruang (Gardner, 1993). Sehubungan dengan itu, proses pembelajaran murid berlaku apabila murid mempunyai peluang yang sama untuk menonjolkan potensi masing-masing melalui kaedah yang berbeza (Gardner, 1999). Namun demikian, guru mempunyai

cabaran untuk menerapkan elemen orientasi pelbagai keceradaan dalam PdPc yang dijalankan kerana kekurangan sumber dan bahan. Namun demikian, pendekatan teori kecerdasan pelbagai merupakan peluang pendekatan pendidikan berkesan agar penglibatan dan potensi diri murid dapat dipertingkatkan.

Sehubungan itu, keyakinan murid dapat ditingkatkan melalui strategi pembelajaran berasaskan permainan (PBP). Ironinya, PBP dalam STEM kurang memberi perhatian pada kemahiran abad ke-21 (Siong & Kamisah Osman, 2018). Sebaliknya, dalam proses PdPc pendidikan Biologi bilik darjah, perlu menekankan kepelbagaian kaedah, strategi dan kaedah pengajaran seperti PBP. Justeru, terdapat cabaran besar dalam melaksanakan amalan PBP yang menarik untuk guru, termasuk banyak guru baharu yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam pengajaran kelas berpusatkan murid. Murid masih memerlukan sumber, bimbingan, tunjuk ajar, dan latihan untuk menjana ilmu pengetahuan dan mengasah pelbagai kemahiran menerusi kaedah PdPc berpusatkan murid (Mohd Nazmi Jaafar & Bushro Ali, 2016).

Howland et al. (2012) dalam kajian menyatakan aktiviti reka bentuk permainan digital membantu mengembangkan pelbagai kemahiran abad ke-21, seperti komunikasi dan kolaborasi, kreativiti dan inovasi, penyelesaian masalah dan lain-lain. Penggunaan elemen integrasi teknologi komputer, multimedia dan internet dalam sains PdPc telah menjadi alat yang dapat membantu guru meningkatkan pemahaman murid mengenai konsep ilmiah yang telah dipelajari oleh mereka dalam pengajaran. Siti Nur Diyana Mahmud et al. (2018) turut mencadangkan agar guru meningkatkan kemahiran penggunaan TMK dalam PdPc Sains. Integrasi TMK melalui penggunaan multimedia dalam PdPc Sains dilihat dapat membantu murid memahami konsep abstrak melalui audio-visual yang diterapkan dalam multimedia tersebut (Su, 2008). Teknologi juga menyediakan platform pembelajaran konstruktivisme melalui

penggunaan kepelbagaian sumber pelajaran dan aktiviti-aktiviti berkumpulan (Ross et al., 2010; Su, 2008; Judson, 2006; Linn et al., 2004).

Namun begitu, pengintegrasian TMK dalam pendidikan kurang dilaksanakan disebabkan kesempitan dana bagi pembelian teknologi, kekurangan motivasi dan latihan kepada guru, sikap dan kepercayaan guru terhadap penggunaan TMK, dan kekurangan pengetahuan serta kemahiran TMK sebagai alat dalam pengajaran (Teo, 2008; Eysink et al., 2009; Manjula, 2012). Penggunaan teknologi di sekolah-sekolah di Malaysia menunjukkan bahawa mata pelajaran TMK terpisah daripada mata pelajaran lain (Norlidah Alias et al., 2013); hal ini menyebabkan penggunaannya terbatas untuk diaplikasikan dalam mata pelajaran lain. Selain itu, hampir 50 peratus murid dari seluruh negara yang mengambil bahagian dalam penaksiran TIMSS menyatakan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains kurang mengintegrasikan teknologi maklumat dalam pengajaran (Laporan TIMSS, 2011). Maka, kekangan murid yang menyatakan mata pelajaran STEM ini sukar akan dapat diatasi dengan pendekatan kecerdasan pelbagai.

Pada tahun 2020, penyakit mental mewakili 15% daripada penyakit global (Kyok Hamid et al., 2020). Tambahan itu, penyakit mental ini turut dialami dalam kalangan remaja termasuk murid yang ambil mata pelajaran Biologi. Nur Amelia Adam dan Lilia Halim (2019) menyatakan wujud cabaran dalam mengintegrasikan pendidikan STEM Biologi dalam kurikulum Malaysia. Murid menunjukkan faktor risiko yang ketara untuk kemurungan, kerana murid perlu menangani tekanan akademik setiap hari ketika mengambil mata pelajaran Biologi (Pascoe et al., 2020 & Kafle et al., 2021). Berdasarkan pengalaman pengkaji, pelbagai cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh murid dan guru mata pelajaran Biologi. Tambahan pula, murid sukar belajar mata pelajaran Biologi disebabkan pemikiran awal menyatakan Biologi

merupakan subjek yang sukar dan abstrak serta hanya sesuai untuk murid yang lebih pandai. Menurut murid gagal untuk melakukan adaptasi, memenuhi keperluan-keperluan baharu dan seterusnya mengatasi tekanan yang dialami boleh menyebabkan penurunan tahap kesejahteraan dan kebahagiaan diri (Abdul Rashid Abdul Aziz et al., 2020). Hal ini kerana murid merasakan tidak seronok belajar mata pelajaran Biologi kerana wujud persepsi negatif, kesediaan mental dan keyakinan diri yang tidak memberangsangkan. Sehubungan dengan itu, kesukaran sumber atau modul dalam membantu murid dan guru semasa penularan Covid-19. Nurfaradilla Mohamad Nasria et al. (2020) menyarankan kepentingan ekuiti dalam pendidikan. KPM menggesa pendekatan PdPr yang menekankan penggunaan TMK dan kesihatan mental melalui CBT agar pembelajaran dapat diteruskan. Hal ini telah mencetuskan cabaran kepada murid dan guru menyediakan platform murid yang mempunyai kecerdasan pelbagai yang berbeza. Tema Hari Guru 2021 bagi negara Indonesia iaitu “Bergerak dengan Hati, Pulihkan Pendidikan” sejajar untuk para pendidik dan murid bangkit dan terus maju demi masa depan negara yang tercinta.

Malaysia telah melakukan sejumlah penyelidikan yang berkaitan dengan pengembangan modul saintifik, termasuk modul multimedia interaktif dengan tema elektrokimia (Lee, 2013), modul mata pelajaran Biologi (Vebrianto & Syafaren, 2018), modul projek dalam talian terhadap penerapan nilai positif bagi mata pelajaran Fizik (Ashfahani Zakaria, 2014) dan *Movement of Substances Across the Plasma Membrane, Cell Division* menerusi Pembangunan Bahan E-Pembelajaran Berasaskan Sistem Pengurusan Kursus melalui portal (Zaleha Ismail & Rosnita Mat Rashid, 2008). Sehubungan dengan itu, satu kajian diperlukan untuk membantu guru mempelbagaikan dan meningkatkan strategi pengajaran mereka, terutamanya penggunaan ICT untuk menerapkan kemahiran Pendidikan Abad ke-21 (PAK-21)

murid. Pengkaji berhasrat untuk membangunkan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran Biologi tingkatan empat dengan menggabungkan pendekatan konstruktivisme 5E sebagai reka bentuk pengajaran, pelaksanaan pendekatan kecerdasan pelbagai, panduan elemen CBT sebagai perangsang dalam menjana sikap positif, dan integrasi TMK sebagai medium penyampaian.

Justeru, kajian ini memfokuskan untuk membina dan menguji keberkesanan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Membina Modul Psycho-B`GREAT untuk meningkatkan pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat.
2. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi antara kumpulan rawatan dan kawalan.
3. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap pengekaln pencapaian bagi tema Asas Biologi dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

4. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap orientasi pelbagai kecerdasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
5. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap pengekal orientasi pelbagai kecerdasan dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
6. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap sikap murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian.
7. Mengkaji kesan penggunaan Psycho-B`GREAT terhadap pengekal sikap murid dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian.

1.6 Persoalan Kajian

Bagi menentukan orientasi kajian ini, berikut merupakan persoalan yang dibangunkan bagi menjadi panduan:

1. Bagaimanakah Modul Psycho-B`GREAT dibina untuk meningkatkan pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat?
2. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
3. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pengekal pencapaian bagi tema Asas Biologi dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?

4. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap orientasi pelbagai kecerdasan murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
5. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pengkalan orientasi pelbagai kecerdasan dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
6. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap sikap murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian?
7. Adakah terdapat kesan yang signifikan penggunaan Modul Psycho-B`GREAT terhadap aspek pengkalan sikap murid dalam kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat enam hipotesis utama yang digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kedua hingga ketujuh yang dikemukakan. Enam set hipotesis nol telah disediakan seperti yang berikut:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor pengkalan pencapaian bagi tema Asas Biologi melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear min skor praujian dan pascaujian orientasi pelbagai kecerdasan (kecerdasan verbal

lingustik, kecerdasan logik matematik, kecerdasan visual ruang, kecerdasan muzik, kecerdasan kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis) melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3a}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan verbal linguistik melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan logik matematik melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3c}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan visual ruang melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3d}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan muzik melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3e}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan kinestetik melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3f}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan interpersonal melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho_{3g}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan intrapersonal melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

- Ho_{3h}* : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian kecerdasan naturalis melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- Ho₄* : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor soal selidik pengekaln orientasi pelbagai kecerdasan melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- Ho_{4a}*: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan bagi waktu ujian ditadbir terhadap skor min orientasi pelbagai kecerdasan melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- Ho_{4b}*: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan bagi jenis kecerdasan terhadap skor min orientasi pelbagai kecerdasan melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- Ho_{4c}*: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara waktu ujian dengan jenis kecerdasan pada skor min orientasi pelbagai kecerdasan melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- Ho₅*: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor praujian dan pascaujian sikap murid melalui penggunaan Modul Psycho-B`GREAT antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian.
- Ho₆*: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor pascaujian dan pascaujian lanjutan sikap murid antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan mengawal praujian.

Ho_{6a}: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan oleh waktu ujian ditadbir terhadap skor min sikap murid setelah kesan skor min praujian sikap murid dikawal.

Ho_{6b}: Tidak terdapat kesan utama yang signifikan oleh jenis pengajaran terhadap skor min sikap murid setelah kesan skor min praujian sikap murid dikawal.

Ho_{6c}: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara waktu ujian ditadbir dengan jenis pengajaran pada skor min sikap murid setelah kesan skor min praujian sikap murid dikawal.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini penting untuk mengemukakan maklum balas tentang keberkesanan Modul Psycho-B`GREAT terhadap pencapaian bagi tema Asas Biologi, orientasi pelbagai kecerdasan dan sikap murid tingkatan empat. Selain itu, hasil kajian ini dapat memberikan faedah dan lumayan kepada golongan yang terbabit dalam sistem pendidikan iaitu pihak pengkaji, guru dan murid sekolah menengah.

1.8.1 Kepentingan Kajian Kepada Murid

Pembangunan Modul Psycho-B`GREAT ini diharapkan dapat membantu murid bagi membina dan mengukuhkan lagi kefahaman bagi tema Asas Biologi. Kepelbagaian aktiviti yang dibangunkan dalam modul bertujuan menggalakkan murid terlibat secara aktif dalam persekitaran pembelajaran berpusatkan murid (student-centred) dan membantu murid belajar secara bekerjasama melalui aktiviti serta latihan yang disediakan dalam modul ini. Selain itu, sebahagian aktiviti yang dibangunkan juga dapat membantu murid mengaitkan pengetahuan atau pengalaman yang lalu agar murid berupaya membina idea sendiri dan meningkatkan proses kognitif. Manakala